

PM terima sokongan positif rakyat - Merdeka Center

UTUSAN MALAYSIA 24 JUN 2025

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima sokongan positif sebanyak 55 peratus daripada majoriti pengundi di negara ini.

Jumlah tersebut diperoleh hasil tinjauan tinjauan yang dijalankan Merdeka Center pada 12 sehingga 23 Mei lalu.

Katanya, terdapat beberapa faktor yang menyumbang pencapaian tersebut antaranya rakyat mula merasakan negara berada di landasan yang lebih stabil dan ketidak-tentuan politik telah reda.

"Selain itu, Anwar kini mengetuai kerajaan dengan majoriti dua pertiga di Parli-men. Langkah reformasi in-stitusi seperti pewujudan semula Akta Perkhidmatan Parli-men 2025 juga memberi isyarat kepada pemerintahan yang lebih berprinsip," kata Merdeka Center menerusi satu kenyataan semalam.

Menurut laporan itu lagi, berdasarkan aspek ekonomi, data kerajaan menunjukkan kadar inflasi menurun kepada hanya 1.4 peratus pada Mac lalu iaitu terendah dalam tempoh tiga tahun.

"Pertumbuhan ekonomi mencatatkan 4.4 peratus pada suku pertama. Kenaikan gaji minimum kepada RM1,700, bantuan tunai sempena

perayaan untuk penjawat awam serta subsidi bahan api yang masih diteruskan telah membantu meredakan tekanan kos sara hidup.

"Walaupun ekonomi terus menjadi kebimbangan utama rakyat, ketiadaan kejutan harga walaupun selepas penghapusan subsidi diesel pada 2024 telah membantu meredakan sentimen awam," jelasnya.

Merdeka Centre juga mendapati Anwar yang juga Menteri Kewangan berjaya memperkukuh profil Malaysia di peringkat global.

"Kehadiran Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia dan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 memberi peluang diplomatik yang besar. Perjanjian pelaburan baharu, kerjasama perdagangan, serta kepimpinan dalam inisiatif negara-negara Selatan Global turut meningkatkan imej beliau dalam negara.

"Namun begitu, isu harian seperti kos hidup masih jadi keutamaan utama rakyat, lebih daripada dasar luar atau ucapan politik. Dengan kos harian yang semakin stabil dan pekerjaan yang lebih terjamin, semakin ramai pengundi mula memberi ruang kepercayaan kepada Perdana Menteri dan kerajaan," ujarnya.